

Edisi Jun, 2022

WARTACAHAYA



*Salam setiakawan,
kawan-kawan kami
yang gembira!*

Apa khabar?

Magsukul kerana selalu menyokong Cahaya Society.

Semoga kita semua dalam keadaan baik-baik dan tak pernah luntur sedikitpun semangat juang dalam diri.

**CAHAYA
SOCIETY**


KENALI KAMI! | BIKIN APA? | SOKONG KAMI!



Kenali kami! | Bikin apa? | Sokong kami!

Kenali kami!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



Apa kami buat?

Di samping itu, Cahaya Learning Centre atau Pusat Pembelajaran Alternatif juga dibangunkan untuk tujuan program pendidikan alternatif.

Program berkaitan seperti Prihatin Cahaya iaitu program kebajikan sosial, program secara berkala seperti Webinar Cahaya yang mendiskusikan topik ragam bersangkutan pendidikan, hak asasi manusia dan ketanpanegaraan serta Garaj Cahaya turut digerakkan di bawah Cahaya Society.



Jun 2022

Bikin apa?

1) Lawatan Sambil Belajar (Siri 1)

Lawatan melibatkan anak-anak kelas Adicita dan Bejana ke Program Jelajah Astronomi, Pantai Timur Sabah anjuran UMS. Melihat pameran sains dan aktiviti berkaitan planet yang dianjurkan.



2) Prihatin Pendidikan

Bantuan insentif #TambangKeSekolah untuk 100 anak-anak komuniti B40 di Kg. Nelayan Tengah dan Kg. Pampang kerana jambatan gantung yang usang menjadi halangan untuk mereka ke sekolah. Ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Hasanah. Magsukul!

3) Bengkel Bikin Sabun

Bantuan insentif #TambangKeSekolah untuk 100 anak-anak komuniti B40 di Kg. Nelayan Tengah dan Kg. Pampang kerana jambatan gantung yang usang menjadi halangan untuk mereka ke sekolah. Ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Hasanah. Magsukul!



Jun 2022

Bikin apa?

4) Bengkel Komuniti; Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK)

Bengkel ini bertujuan untuk mengumpul data dan memetakan maklumat fizikal dan kesihatan 20 pelajar daripada setiap Pusat Alternatif yang dikendalikan oleh Cahaya Society; Cita Budi, Teratak Ilmu, Anjung Bakti, Opak Lestari dan CLC. Tujuannya adalah membangunkan modul PFKK yang mengambilkira lingkungan komuniti termasuk aktiviti ekonomi, budaya dan rutin mereka.



5) Lawatan Sambil Belajar (Siri 2)

Lawatan rasmi ke Rainforest Discovery Centre (RDC) melibatkan semua anak-anak untuk belajar, mengamati, dan memahami ilmu alam, jenis-jenis burung, pokok dan masuk ke dalam hutan.

6) Kunjungan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah

Kunjungan ini bertujuan untuk mengenali Cahaya Society dan mencari ruang kerjasama memandangkan isu pendidikan dalam kalangan anak-anak tanpa negara adalah salahsatu isu yang penting untuk diberikan perhatian. Tiada sebarang intimidasi seperti 2019 ketika lawatan dua pegawai PPD Sandakan. Kita tetap utuh mengulang, pada sistem pendidikan apapun yang sedang dianuti bahawa pendidikan adalah hak semua kanak-kanak.



Jun 2022

Bikin apa?

7) Webinar Cahaya (Siri 20)

Siri kali ini membincangkan topik seputar aktivisme dan hak-haknya dalam negara demokrasi yang menjamin kebebasan bersuara dan berekspresi. Panel pembicara adalah yang berpengalaman dan terlibat dalam banyak bentuk aksi massa.

Aktivis di Malaysia: Berkorban atau intimida

25 Jun 2022 | 8PM |  LIVE

Joeman
(Aktivis for Reform)

Khalid M
(Aktivis Hak)



8) World Environment Day

Kita membuka reruai pameran dan jualan di WED anjuran Rainforest Discovery Centre (RDC) pada 25 & 26 Jun. Terima kasih semua yang mendukung produk Cahaya Cetak.

9) Projek Bina Surau Opak

Kita telah memasuki fasa akhir pertukangan. Pasukan komuniti menyiapkan pagar mengelilingi surau bagi mengelak sebarang implikasi keselamatan bagi para jemaah kariah. Kita masih mengumpul dana wakaf/infak bagi menyediakan fasiliti dan bahan keperluan surau untuk tujuan ibadah dan muamalah komuniti.





Bulan depan, bikin apa?

1) *Majlis Graduasi Cahaya (MGC2022)*

Kita akan melaksanakan julung-julung kalinya MGC2022 bagi merayakan 13 orang ana-anak cahaya yang berjaya mengikuti Program Pendidikan Alternatif menerusi Cahaya Learning Centre; iaitu advokasi pendidikan alternatif yang kita bangunkan sejak tahun 2019 melibatkan anak-anak tanpa negara dan tanpa dokumen di Sandakan, Sabah.

2) *Belia Fest 2022*

Kita akan membuka reruai pameran dan jualan di Belia Fest 2022 di Sejati Walk bermula 1 Julai 2022 hingga 9 Julai 2022. Jemput datang semua untuk mendukung produk Cahaya Cetak bagi mendanai projek pendidikan alternatif yang kita jalankan.

3) *Pengambilan pelajar baharu sesi Jun 2022*

CLC akan menambah 10 orang pelajar iaitu anak-anak cahaya yang baharu untuk mengikuti Program Pendidikan Alternatif yang dirancang. Guru-guru komuniti dan para aktivis turun ke lapangan dan masuk ke kampung-kampung bagi mengenalpasti anak-anak yang betul-betul keciciran pendidikan akibat status kewarganegaraan atau latar ekonomi yang kurang berkemampuan.

4) *Majlis Qurban Cahaya 2022*

Kita akan melaksanakan program MQC iaitu agihan daging atau jamuan makan bagi komuniti cahaya sebagai simbolik kepada semangat kebersamaan dan setiakawan yang berpanjangan. Kepada yang ingin berbagi, sila maklumkan kami.

Sokong Kami!

Sumbangan untuk tujuan advokasi dan pendidikan alternatif ke:

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

860 368 6012
(CIMB Bank)

5600 2751 2662
(Maybank)





PENGHARGAAN

Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!

Website:

cahayasociety.org

Facebook/Instagram/Twitter:

Cahaya Society

Email:

cahayasociety@gmail.com

**CAHAYA
SOCIETY**